



ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN  
**ISLAM**









ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN

# ISLAM

JILID 3



ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN  
**ISLAM**

JILID 3

(ARQAM BIN ABI AL-ARQAM – CYPRUS)



PUSTAKA PERDANA



1007768

**ANZAGAIN**  
S D N B H D 190597-K



**KUALA LUMPUR**

ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN  
**ISLAM**

JILID 3

© ANZAGAIN SDN BHD

Cetakan Pertama 2009

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada ANZAGAIN SDN BHD. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ensiklopedia kesenian & warisan Islam

Mengandungi rujukan bibliografi dan indeks

ISBN 978-983-037-220-4 (Jil. 1)

ISBN 978-983-037-221-1 (Jil. 2)

ISBN 978-983-037-222-8 (Jil. 3)

ISBN 978-983-037-223-5 (Jil. 4)

ISBN 978-983-037-224-2 (Jil. 5)

ISBN 978-983-037-225-9 (Jil. 6)

ISBN 978-983-037-226-6 (Jil. 7)

ISBN 978-983-037-227-3 (Jil. 8)

ISBN 978-983-037-228-0 (Jil. 9)

ISBN 978-983-037-229-7 (Jil. 10)

ISBN 978-983-037-230-3 (Jil. 11)

ISBN 978-983-037-231-0 (Jil. 12)

ISBN 978-983-037-232-7 (Jil. 13)

ISBN 978-983-037-233-4 (Jil. 14)

1. Islam-Encyclopedias.

297.03

Diterbitkan oleh:

**Anzagain Sdn. Bhd.**

No. 9, Jalan Bukit Badung 26/4

Seksyen 26, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5191 8709, 5192 0396    Faks: 603-5191 0396

Email: [anzagainsdnbhd@yahoo.com](mailto:anzagainsdnbhd@yahoo.com)

Dengan Kerjasama:

**Yayasan Pembangunan Buku Negara**

**Akademi Buku Malaysia**

**Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad**

**Book Digital Sdn. Bhd**

**KDEB Anzagain Sdn. Bhd**

**VDSL Network Sdn. Bhd**

**Dar Al-Kitab, Lebanon**

**Dar Al-Shorouk, Kaherah**

Dicetak oleh:

**Percetakan Surya Sdn. Bhd.**

Dijilid oleh:

**Book Digital Sdn. Bhd.**



## ARQAM BIN ABI AL-ARQAM

Sahabat Nabi Muhammad s.a.w. Beliau adalah orang pertama yang menawarkan rumahnya untuk dijadikan pusat dakwah Islamiah. Beliau berasal daripada keturunan suku Makhzum (Quraisy). Kebanyakan anggota suku Makhzum terdiri daripada orang kaya raya yang tinggal di Kota Makkah dan kuat menentang ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. di peringkat awal kedatangan Islam.

Keadaan ini berbeza dengan sifat dan sikap al-Arqam. Walaupun beliau boleh dianggap seorang yang berada daripada suku Makhzum, tetapi beliau tidak sombong, malah sangat kuat kepercayaannya terhadap Islam. Beliau termasuk antara golongan pemeluk Islam yang terawal bersama-sama Sayidina Uthman bin Affan, al-Zubair bin Awwam, Saad bin Abi Waqqas, Abdul Rahman bin Auf, Abu Ubaidah bin Jarrah dan lain-lain.

Sewaktu Islam disebarikan secara sembunyi, al-Arqam menawarkan rumahnya yang terletak di tengah-tengah Kota Makkah sebagai pusat kegiatan dakwah. Rumah ini kemudiannya dipanggil Dar al-Arqam. Rumah al-Arqam dijadikan pusat dakwah kira-kira pada tahun 614M dan pada ketika itu beliau berusia antara 20 hingga 25 tahun. Pengikut Islam pada masa itu hanya seramai 39 orang. Di rumah itu Nabi dan sahabatnya berbincang mengenai taktik dan strategi dakwah.

Nabi pergi ke rumah al-Arqam pada waktu siang untuk berdakwah dan mengajar al-Quran kepada pengikutnya dan seterusnya melakukan ibadat bersama-sama mereka. Sayidina Umar bin al-Khattab menemui Nabi dan seterusnya memeluk Islam sewaktu baginda sedang berdakwah di rumah al-Arqam.

## ARRAN


Sebelum kedatangan Islam, Arran merupakan sebuah daerah bagi kawasan timur Transcaucasian (Azerbaijan, Rusia). Tetapi pada zaman Islam, Arran merupakan daerah Transcaucasia dalam wilayah Azerbaijan, Rusia. Pada zaman penaklukan Islam, tentera Arab pimpinan Salman bin Rabiah dan Habib bin Maslamah (pada abad akhir pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab dan pada awal pemerintahan Uthman bin Affan) telah menguasai Baylaqah, Bardhaah, Qabalah dan Syamkur, iaitu

wilayah penting di Arran. Pada zaman Muawiyah, pemerintahan Islam telah bertapak di Arran.

Pada akhir pemerintahan Umayyah, Khazar cuba menawan Arran tetapi ditewaskan oleh tentera Khalifah Marwan bin Muhammad. Sejak itu, Arran menjadi sebuah negara di bawah pemerintahan Islam. Setiap tahun Arran membayar ufti kepada kerajaan Islam. Pada zaman Turki, Baylaqah telah menjadikan Bardhaah sebagai sebuah kota penting di Arran. Tetapi pada tahun 1221, kota ini dibinasakan oleh tentera Monghul. Kemudian Gandja pula dijadikan kota penting di Arran. Pada zaman Moghul, Arran telah digabungkan dengan Azerbaijan dan diperintah oleh seorang gabenor.

## ARSLAN BIN TOGHRUL (1133– )

Sultan Dinasti Saljuq. Arslan dilahirkan pada tahun 1133. Beliau mendapat pendidikan daripada bapa saudaranya, Malik Shah bin Saljuq Shah. Pada tahun 1146, Sultan Ma'ud telah memerintahkan supaya Arslan dan bapa saudaranya dipenjara di Tikrit, tetapi kemudiannya dibebaskan oleh Khalifah



Bekas air dari Dinasti Saljuq ini bermotifkan binatang seperti burung. Dipercayai dibuat pada abad ke-13 M.




al-Muqtafi pada tahun 1154. Dengan pertolongan bapa tirinya, Arslan berjaya menaiki takhta, iaitu setelah kemangkatan Sultan Sulayman Shah pada tahun 1160. Beliau memerintah sehingga tahun 1175.

### ARSLAN SHAH ( –1118)

Sultan Saljuq yang menaiki takhta pada tahun 1115. Beliau telah menangkap dan memenjarakan kesemua saudaranya kecuali Bahram Shah. Bahram Shah berjaya melarikan diri dan akhirnya berjaya membunuh Arslan Shah. Arslan meninggal dunia pada tahun 1118.

### ARSLAN SHAKIB (1869–1946)

Tokoh sejarah, sasterawan dan politik Arab. Arslan dilahirkan pada tahun 1869 di Lebanon. Beliau mendapat pendidikan formal dari sekolah Dar-al-Hikmah. Beliau banyak menjelajah dan melawat negara Eropah dan Amerika. Beliau adalah pejuang Islam dan nasionalis Arab.



Kaligrafi Allah pada sebuah Masjid Tua di Turki

Beliau digelar Amir al-Bayan (pakar dalam ilmu Bayan) dan merupakan seorang daripada anggota majlis akademik Arab. Antara karangannya ialah Ghazawat al-Arab fi shamal Fransa (Ekspedisi Arab di Utara Perancis) dan al-Hulal al-Sundusiah fi al-Rihlah al-Andalusiah.

HB HAMZAH

### ARTUQIYAH

Dinasti Turki yang diasaskan oleh keturunan Artuq bin Ekseb, pemimpin suku Doger di Oghuz. Artuq pada mulanya menjadi pemimpin tentera untuk memerangi Byzantine di Anatolia. Kemudian, beliau dihantar oleh Sultan Saljuq, Malik Shah ke Bahrain, Syria dan Khurasan. Artuq mengakhiri kerjayanya sebagai gabenor Palestin. Malangnya, anak-anaknya tidak berupaya mempertahankan kedudukan keluarganya di Palestin akibat ancaman tentera Salib dan Fatimiyah.

Oleh itu, mereka berpindah ke Diyarbakr (Diyar Bakar). Akhirnya seorang daripada anaknya, Ghazi II mengambil alih kuasa pemerintahan Saljuq di Diyarbakar. Pada tahun 1121 beliau berjaya meluaskan kuasanya ke Mayyafariqin. Hasilnya terbentuk dua cabang dinasti, iaitu pertama, di Mardin dan Mayyafariqin yang diperintah oleh keturunan Ghazi II dan kedua, di Hisn Kayfa dan Amid oleh keturunan saudaranya, Sokmen. Berikutan kenaikan kuasa keluarga Imad al-Din Zangi menyebabkan Dinasti Artuqiyah kurang bertenaga dan mereka akhirnya tunduk di bawah naungan Nur al-Din. Kemudian mereka mengalah kepada tentera Ayubiyah yang menguasai pemerintahan Dinasti Artuqiyah di Hisn Kayfa, Amid dan Mayyafariqin.

Pada abad ke-13, mereka pernah beberapa tahun dinaungi oleh Kerajaan Rome Saljuq dan Kerajaan Shah Jalaluddin Khwarizm Mingburnu. Akhirnya hanya Mardin sahaja yang tinggal di bawah pemerintahan Artuqiyah dan rajanya, Qara Arslan al-Muzaffar menyerah kalah kepada Raja Mongol, Khan Hulegu. Satu setengah abad kemudian mereka menghadapi serangan kaum Turkmen. Dinasti Artuqiyah berakhir pada tahun 1408 apabila rajanya yang terakhir, al-Salih, ditewaskan oleh panglima tentera Turkmen, Qara Qoyunlu (Qara Yusuf).